

## Model Gelagat Pengguna Islam

Siti Khalilah Basarud-din<sup>1</sup> dan Azizi Abu Bakar<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Islamic Business School, Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia.

### ABSTRAK

*Teori gelagat pengguna yang dibangunkan oleh sarjana pemikiran barat sering digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang kajian termasuklah kajian dari perspektif Islam. Persoalannya, adakah gelagat pengguna konvensional bersesuaian untuk diaplikasi dalam kajian-kajian Islam? Adakah teori-teori pemikiran barat selari dengan kehendak gelagat pengguna menurut pandangan Islam? Oleh itu, kajian ini mengkaji keperluan gelagat pengguna Islam dan perbezaannya dengan gelagat pengguna konvensional. Selain itu, tujuan kajian ini merupakan kajian awal mencadangkan faktor-faktor agama dalam mengenal pasti gelagat pengguna Islam. Faktor-faktor agama yang dicadangkan adalah faktor akidah, ibadah dan akhlak sebagai faktor utama yang mempengaruhi gelagat pengguna Islam. Kajian ini menggunakan kaedah kajian literatur untuk mengenal pasti dan menganalisis fenomena ini. Cadangan kajian lanjutan juga turut dibincangkan.*

**Kata Kunci:** Gelagat Pengguna Islam, Akidah, Ibadah, Akhlak.

### 1. PENGENALAN

Pelbagai isu gelagat sering mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik-penyelidik sehingga kini. Pelbagai teori gelagat yang sering digunakan dalam menyokong kajian-kajian mereka. Namun kebanyakan pengkaji-pengkaji lebih cenderung untuk menggunakan teori konvensional hasil daripada pemikiran sarjana barat. Kecenderungan ini juga digunakan dalam kajian akademik dari perspektif Islam termasuk kajian halal, zakat, hiba, perbankan Islam dan sebagainya. Kajian-kajian ini meliputi pelbagai aspek dari pelbagai isu antaranya isu gelagat pengguna. Walau bagaimanapun, penelitian terhadap literatur-literatur terdahulu menimbulkan pelbagai persoalan berkenaan teori yang digunakan dalam kajian-kajian lepas berkaitan dengan kajian dari perspektif Islam. Terdapat persoalan yang timbul bagaimanakah teori pemikiran barat diaplikasikan dalam kajian-kajian tersebut dan adakah teori ini selari atau tidak dengan prinsip-prinsip Islam yang sebenar.

Ahmad Azrin, Basri, Sakinah dan Izzuddin (2017) berpendapat bahawa prinsip gelagat pengguna konvensional tidak mampu memahami konteks yang sebenar dalam gelagat pengguna Islam. Hal ini demikian kerana falsafah utama dalam gelagat pengguna Islam yang jelas bertentangan dengan pemahaman dalam teori gelagat pengguna konvensional. Ahmad Azrin (2012) menegaskan bahawa teori gelagat konvensional tidak berupaya memahami realiti sebenar kajian yang berasaskan perspektif Islam yang sebenar. Oleh itu, teori gelagat Islam mempunyai ciri tersendiri dan unik jika dibandingkan dengan teori konvensional. Ahmad Azrin *et al.*, (2017) telah membahagikan kepada tiga falsafah penting mengapa teori Islam sangat berbeza dari pemahaman konvensional. Pertama, definisi mahupun takrifan teori konvensional yang telah dirujuk sejak beberapa dekad tidak memenuhi tuntutan Islam yang sebenar. Kedua, matlamat penyelidikan berteraskan teori konvensional lebih tertumpu kepada usaha untuk memperbaiki produk atau perkhidmatan bukan pengguna itu sendiri. Ketiga, kaedah kajian penyelidikan yang digunakan tidak dapat memahami realiti sebenar dalam Islam. Oleh yang

demikian, kajian ini membincangkan kepentingan falsafah teori gelagat Islam dan membina satu konsep gelagat pengguna Islam yang bertepatan dengan prinsip dan kaedah dalam Islam.

## 2. PERBEZAAN KONSEP PEMIKIRAN ISLAM DAN BARAT.

Konsep penyelidikan yang berteraskan konsep Islam perlulah mengaplikasikan berdasarkan perspektif Islam yang sebenar dan berbeza dengan teori konvensional. Hal ini demikian kerana kebanyakan teori gelagat yang dibangunkan oleh ahli psikologi barat berdasarkan persekitaran agama Kristian dan Yahudi (Ram Al Jaffri, 2013). Walaupun beberapa perkara dalam agama Kristian boleh diguna pakai kepada umat Islam, namun secara keseluruhan ianya tidak sesuai untuk mengukur agama dalam kalangan umat Islam (Hamza, 2010) khususnya kajian-kajian dari perspektif Islam. Teori gelagat pengguna dari pemikiran barat menganggap bahawa pengguna bertujuan untuk memaksimumkan kepuasan (Nurshuhaida & Siti Zaiton, 2012; Syed Shah, Rohani & Badrul, 2011). Hal ini demikian kerana mereka menyamakan konsep keperluan dan kehendak yang perlu dipenuhi. Sarjana barat menyatakan bahawa kehendak memberi maksud keperluan manusia dan haruslah disertai dengan keinginan dan kuasa beli (*purchasing power*) untuk memenuhi keperluan tersebut. Kehendak dan kepuasan menjadi asas utama dalam perjuangan mereka (Nurshuhaida & Siti Zaiton, 2012). Hal ini menunjukkan bahawa teori gelagat konvensional berasaskan kehendak nafsu yang perlu dipenuhi oleh setiap individu. Jelas menunjukkan bahawa teori konvensional tidak meletakkan aspek kerohanian, iaitu keutamaan kepada aspek ketuhanan, malah menekankan konsep material dalam memahami konsep gelagat (Ahmad Azrin, 2011).

Menurut Ahmad Azrin (2012), gelagat pengguna yang diuarikan oleh sarjana barat diformulasikan seperti berikut:

Sumber + Produktiviti + Pendapatan Boleh Guna = Keperluan + Kehendak = Memaksimumkan Kepuasan

Formulasi di atas menunjukkan bahawa pengguna akan memanfaatkan sebaik mungkin segala sumber yang ada seperti masa, wang dan usaha untuk memaksimumkan kepuasan yang merangkumi keperluan dan kehendak. Ia bermula dari proses pemilihan, kemudiannya pembelian, penggunaan, penyelenggaraan, pembaikan, sehinggalah pembuangan sesuatu produk atau perkhidmatan. Oleh kerana sumber yang ada adalah terhad, manakala kemahuan manusia tiada penghujung, produktiviti akan sentiasa ditingkatkan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kuasa beli atau pendapatan boleh guna. Apabila ini terjadi, matlamat untuk memaksimumkan kepuasan akan dapat dicapai (Ahmad Azrin, 2011).

Kedadaan ini menunjukkan bahawa gelagat yang berunsurkan spiritual diabaikan (Ahmad Azrin, 2011). Beliau menegaskan lagi bahawa manusia dilihat sebagai pencipta ekonomi yang menggunakan sumber-sumber yang ada sebanyak mungkin untuk memenuhi semua kepuasan diri. Selagi ia tidak melanggar sebarang undang-undang dan peraturan sebagai makhluk, kepuasan diri harus diletakkan di tempat pertama untuk mengiktiraf kewujudan diri. Hal ini bertentangan dengan prinsip Islam yang mana matlamat gelagat dalam Islam adalah mencari keredaan Allah SWT. Dalam Islam, keperluan rohani perlu diutamakan berbanding keperluan material, maka tidak menghairankan untuk melihat mengapa agama tidak dinyatakan secara jelas dalam mana-mana teori gelagat konvensional (Ahmad Azrin, 2011).

Sebaliknya, Islam meletakkan perbezaan yang jelas antara kehendak manusia dan keperluan manusia. Ini bermaksud, tidak semua kehendak manusia perlu dipenuhi. Islam telah menetapkan keperluan mengikut keutamaan sama ada *dharuriyat* (asas), *hajiyyat* (keperluan kecemasan), *tahsiniyyat* (kesenangan) atau *kamaliyyat* (kemewahan) (Nurshuhaida & Siti Zaiton, 2012). Islam cuba mengurangkan keperluan manusia terhadap kebendaan yang

berlebihan, tetapi pada masa yang sama aspek kerohanian diutamakan, bahkan konsep gelagat pengguna Islam dapat memberikan suatu cara perbelanjaan yang baik dan praktikal tanpa menyebabkan berlakunya inflasi dan pembaziran (Nurshuhaida & Siti Zaiton, 2012). Hal ini dapat dibuktikan bahawa Islam mencari jalan untuk memaksimumkan utiliti material dan juga utiliti kerohanian seperti firman Allah SWT:

وَمِنْهُمْ مَّنْ يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ٢٠١

*“Dan di antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari azab neraka”.*

(Surah al-Baqarah, 2: 201)

Selain daripada mengutamakan keseimbangan kebendaan dan kerohanian dalam Islam, Islam sangat mengutamakan cara hidup yang seimbang dan sangat praktikal (Atikullah, 2013). Islam tidak melihat ketaatan dan ibadah sebagai suatu konsep yang sempit dan terbatas, malah Islam melihat semua aktiviti hidup manusia yang memberikan kebaikan dan kebahagiaan kepada manusia sebagai ibadah yang diberikan ganjaran pahala. Inilah kesyumulan sistem Islam yang membezakannya daripada agama-agama lain ciptaan manusia. Islam tidak menolak urusan dunia, sebaliknya mesti dilaksanakan mengikut garis panduan Islam. Hal ini demikian kerana tiada urusan di dunia ini yang terlepas dari kaca mata garis panduan Islam. Baik amalan manusia di dunia, maka baik balasannya di akhirat nanti dan begitu juga sebaliknya (Atikullah, 2013). Setiap gelagat manusia perlu berpandukan prinsip-prinsip Islam yang sebenar. Gelagat yang sebenar dalam Islam adalah berpandukan kepada al-Quran dan Sunnah. Seandainya umat Islam tidak berupaya menghayati sumber utama dalam Islam, iaitu al-Quran dan Sunnah sebagai metode untuk dilaksanakan dalam mengukur ketamadunan manusia, ini bermakna umat Islam telah gagal untuk memacu perkembangan positif dan efisien dalam kehidupan (Che Haslina, 2013).

Intipati teori yang berlandaskan prinsip Islam merujuk dari segi kepercayaan, iman dan taqwa, al-Quran, hadis, ijmak dan analogi (qiyas) adalah inti (Muhammad, 2011). Ini bermaksud setiap tingkah laku manusia mempunyai panduan untuk bertindak dalam kehidupan harian bukan berlandaskan akal dan nafsu semata-mata. Tambahan pula dalam konsep kepenggunaan oleh Qaradawi (2002) telah menyenaraikan sebelas perkara asas sebagai panduan. Pertama, hukum asal sesuatu adalah harus (dibolehkan). Kedua, kuasa halal dan haram adalah hak mutlak Allah SWT. Ketiga, Islam melarang mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram. Keempat, pengharaman membawa kepada keburukan dan bahaya. Kelima, penggunaan halal menolak kepada penggunaan yang haram. Keenam, segala perkara yang haram hukumnya adalah haram. Ketujuh, haram membuat tipu helah untuk perkara yang haram. Kelapan, niat yang baik tidak boleh menghilangkan yang haram. Kesembilan, menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang syubhah (diragukan) untuk mengelakkan daripada jatuh ke dalam perkara-perkara yang haram. Kesepuluh, sesuatu yang haram tetap haram kepada semua. Kesebelas, darurat membolehkan sesuatu yang dilarang.

Tingkah laku pengguna Islam mempunyai ciri tersendiri dan unik jika dibandingkan dengan tingkah laku pengguna konvensional. Surtahman dan Sanep (2005) menggariskan empat aspek yang berbeza tingkah laku pengguna konvensional. Pertama adalah prinsip kepenggunaan yang menyentuh prinsip penggunaan umum dan pengukuran untuk prinsip tersebut. Ia menyumbang beberapa panduan untuk prinsip penggunaan seperti kebenaran atau hak, kebersihan atau kesucian, kesederhanaan, faedah, kebajikan, rohani dan moral. Kedua, konsep barangan yang merangkumi perkara-perkara penting dan rohani. Ketiga, peruntukan keutamaan untuk penggunaannya dibahagikan kepada keperluan hidup, keperluan asas, keperluan kemahiran, barangan keperluan, barangan mewah dan berbahaya atau barangan yang merosakkan. Keempat, kriteria penggunaan Islam yang menggambarkan etika penggunaan yang dituntut oleh

Islam seperti jenis barangan, kaedah dan kuantiti penggunaan, manakala Sarimah (2005) membezakan kedua-dua tingkah laku pengguna tersebut berdasarkan sepuluh aspek, iaitu objektif penggunaan, falsafah penggunaan, konsep penggunaan, prinsip penggunaan, sifat penggunaan, syarat penggunaan, peraturan penggunaan, tahap keutamaan dalam penggunaan, konsep dan jenis barangan. Bagi Mat (2003), perbezaan antara kedua-dua tingkah laku pengguna tersebut dikenal pasti melalui tiga aspek, iaitu motif dan objektif penggunaan, hierarki penggunaan atau pengaturan keinginan dan konsep penggunaan. Wan (2007) menekankan tiga perkara asas yang membezakan kedua-dua pengguna tingkah laku. Pertama adalah kepercayaan umum tentang keperluan konsumerisme dalam kehidupan. Kedua ialah prinsip asas fiqh kepenggunaan dalam perbelanjaan. Ketiga adalah hak dan tanggungjawab kepenggunaan.

Perbezaan menunjukkan bahawa konsep teori pengguna konvensional gagal memahami tingkah laku manusia sebenar. Kegagalan mendefinisikan secara tepat manusia telah menyebabkan tingkah laku pengguna disalurkan ke tujuan memaksimumkan kepuasan ekonomi (Muhammad, 2002). Hal ini demikian kerana pendapatan perlu ditingkatkan supaya kepuasan dicapai tanpa mengambil kira sama ada keinginan itu menjadi lebih baik atau semakin buruk, malah teori pengguna konvensional lebih memberi manfaat kepada pengeluar dan pengguna. Pengguna dididik untuk memaksimumkan perbelanjaan untuk memenuhi tuntutan yang tidak terhad, manakala pengeluar akan cuba sejauh mungkin untuk memenuhi keperluan dan tuntutan pengguna. Konsep ini lebih berorientasikan keuntungan yang dihasilkan daripada inspirasi manusia (Muhammad, 2012). Situasi ini menggambarkan bahawa gelagat pengguna tidak memenuhi konsep kepenggunaan dalam Islam yang sebenar (Kontsas dan Lazarides, 2012). Pengeluar lebih memperdayakan pengguna dari segi produk, promosi, harga, saluran pengedaran dan sebagainya untuk disesuaikan dengan kehidupan pengguna dari segi lokasi, demografi, kelas sosial, gaya hidup, keperibadian, persepsi, tahap kesetiaan dan sebagainya berbanding mendidik jiwa dan kerohanian pengguna dalam mengingati Allah SWT. Sebaliknya, konsep kepenggunaan dalam Islam lebih menekankan peraturan manusia sebagai hamba kepada Allah SWT. Segala aturan kehidupan perlu berlandaskan prinsip dalam Islam yang sebenar yang telah terkandung dalam al-Quran dan hadis sebagai sumber rujukan dalam bergelagat. Konsep kepenggunaan dalam Islam lebih banyak memberi penekanan terhadap kualitatif daripada kepenggunaan kuantitatif seperti konsep rezeki, barakah (berkat), qanaah (berpuas hati dengan apa yang ada) dan sebagainya (Muhammad, 2002).

Sebagai contoh teori hasil permikiran barat, iaitu teori gelagat terancang (TGT) yang diperkenalkan oleh Azjen (1991). Teori gelagat terancang (*theory of planned behavior*) (TGT) adalah kesinambungan kepada teori tindakan beralasan (*theory of reasoned actions*) (TTB) yang diperkenalkan oleh Martin Fishbein dan Icek Ajzen pada tahun 1975. Teori ini telah digunakan secara meluas untuk menerangkan gelagat seseorang. TGT adalah gelagat yang diramalkan oleh niat seseorang individu untuk melibatkan diri dalam gelagat yang diberikan. Secara ringkasnya, niat adalah peramal yang paling hampir dengan gelagat. Niat bertindak sebagai pengantara secara langsung antara pemboleh ubah dengan gelagat yang sebenar (Hagger & Chatzisarantis, 2006). Sikap, norma subjektif dan kawalan gelagat ditanggap adalah faktor-faktor yang boleh mempengaruhi niat yang terkandung dalam teori ini. TGT menekankan niat untuk menjadi salah satu pemboleh ubah untuk memahami tingkah laku membeli pengguna. Konsep niat yang dipaparkan agak berbeza dari konsep niat mengikut perspektif Islam. TGT mengandaikan bahawa apabila seseorang mempunyai niat untuk bertindak, dia akan mempunyai kebebasan untuk bertindak tanpa sekatan. Anggapan ini jelas melanggar sekatan syariah terhadap individu Muslim. Keterbatasan ini telah menyebabkan fenomena seperti peningkatan perbelanjaan tanpa menghiraukan keperluan yang penting dan mendahulukan kehendak yang perlu dipatuhi. Islam menolak sama sekali fahaman sekularisme yang membezakan antara agama dengan urusan keduniaan (Atikullah, 2013; Nurshuhaida & Siti Zaiton, 2012). Sebaliknya, teori konvensional menolak aspek hubungan ketuhanan kerana aspek ketuhanan hanya sementara. Hal ini menunjukkan bahawa tujuan hidup dan hakikat kehidupan manusia di dunia adalah yang paling

disukai. Dalam proses memenuhi semua keperluan ini, aspek kerohanian dan agama tidak dijadikan faktor utama dalam mempengaruhi niat dalam teori ini. Keterbatasan ini juga mungkin menjadi justifikasi bagi keperluan untuk memperkenalkan gelagat pengguna Islam sebagai disiplin baru bersama dengan definisi, konsep, teori, model dan pendekatan yang berasaskan kepercayaan dan epistemologi Islam.

Justeru itu, gelagat pengguna Islam perlu diperkenalkan sebagai satu disiplin model. Hujah bahawa konsep konvensional, teori, model dan pendekatan boleh diterima selagi tidak bercanggah dengan syariat adalah tidak sesuai (Ahmad Azrin *et al.*, 2017). Gelagat pengguna Islam perlulah berlandaskan prinsip Islam yang sebenar seperti yang terkandung dalam al-Quran dan hadis. Ahmad Azrin, Basri, Sakinah dan Izzuddin (2017) mengutarakan tiga pertimbangan dalam memperkenalkan gelagat pengguna Islam. Pertama, mengurangkan pergantungan kepada konsep konvensional, teori, model dan pendekatan yang berkaitan dengan gelagat pengguna dari aspek konvensional secara berperingkat. Kedua, memberi tumpuan bukan sahaja kepada aspek falsafah tetapi juga aspek operasi dan teknikal tidak hanya melibatkan satu pendekatan tertentu, sama ada kuantitatif atau kualitatif, tidak terhad kepada unit analisis Islam sahaja dalam kajian yang dijalankan. Ketiga, mencadangkan sejumlah sub-disiplin dalam menyokong usaha memperkenalkan gelagat pengguna Islam sebagai satu disiplin. Selain itu, Surtahman dan Sanep (2005) mencadangkan pengubahsuaian teori atau model konvensional dengan mengekalkan andaian, norma dan hipotesis asal. Semua elemen yang bertentangan dengan Islam akan digantikan dengan komponen Islam atau diperbadankan dengan unsur-unsur Islam dalam teori atau model yang dirujuk, malah pengambilan sumber asas penyelidikan perlu merujuk kepada al-Quran, hadis, ijmak dan qiyas sebagai tulang belakang kepada alat analisis yang terlibat sama ada konsep, teori, model, pendekatan, bahkan keputusan perundangan. (Ahmad Azrin *et al.*, 2017).

### 3. ANDAIAN TEORETIKAL

#### 3.1 Gelagat dalam Islam

Islam telah memberi panduan kepada manusia sejagat dalam bergelagat. Sumber-sumber yang sahih sebagai pegangan umat Islam dalam bergelagat adalah al-Quran dan Sunnah yang menjadi panduan sepanjang hidup. Islam sebagai cara hidup yang lengkap bertindak untuk mengawal dan menyekat gelagat manusia bagi memperoleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat (Mohd Zaid & Joni Tamkin, 2013). Hal ini demikian kerana setiap individu mempunyai keinginan untuk memenuhi tahap kepuasan diri. Sehubungan dengan itu, setiap gelagat manusia perlu mengikut norma-norma dan prinsip-prinsip yang telah digariskan dalam Islam sebagai panduan dalam bertindak agar tidak bercanggah dengan syariat yang ditetapkan (Mohd Zaid & Joni Tamkin, 2013). Gelagat dalam Islam tidak hanya tertumpu pada hubungan sesama manusia. Islam membahagikan hubungan manusia ke dalam tiga kategori, iaitu hubungan dengan Allah, hubungan dengan manusia dan hubungan dengan alam sekitar (Mohd Nor & Siti Fatahiyah, 2012). Gelagat yang paling penting adalah mencari keredaan Allah SWT. Manusia dituntut untuk bergelagat mulia dan meninggalkan segala yang keji dan ditegah oleh Allah SWT. Hal ini demikian kerana matlamat utama manusia diciptakan adalah untuk mengikuti segala perintah dan larangan-Nya. Firman Allah SWT:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ٥٦

*"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu".*

(Surah adz-Dzariyaat, 51: 56)

Agama memainkan peranan penting dalam mempengaruhi gelagat seseorang. Nilai keagamaan diketahui memberi kesan kepada gelagat manusia. Setiap orang Muslim perlu mengamalkan nilai-nilai Islam dalam setiap perkara berasaskan keyakinan dan kepercayaan kepada Allah SWT sebagaimana yang dilafazkan dalam sembahyang:

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ۝١٦٢

*"Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.*

(Surah al-An'am, 6: 162)

Setiap gelagat yang baik dan terpuji lahir dari niat yang baik. Niat mendorong seseorang melakukan perkara yang terpuji dan meninggalkan perkara yang terkeji. Setiap gelagat akan dipandu oleh niat di hati. Tempat niat itu adalah di hati. Dengan kata lain, hati memainkan peranan penting dalam mempengaruhi niat seseorang (Seman, 2013). Niat tidak dapat dilihat oleh orang lain apa yang diniatkannya. Seseorang yang berniat semestinya mengetahui apa yang diniatkan dalam hati. Segala yang diniatkan akan mencerminkan segala tindakan, perbuatan dan gerak-geri perilakunya. Niat sangat penting dalam Islam sehinggakan Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Sesungguhnya amal itu tidak lain hanyalah dengan niat dan sesungguhnya bagi setiap orang hanyalah apa yang dia niatkan. Maka barang siapa yang berhijrah kepada Allah SWT dan Rasul-Nya, maka hijrahnya adalah kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Dan barang siapa yang berhijrah untuk dunia yang dia inginkan atau kerana seorang wanita yang ingin dia nikahi, maka hijrahnya adalah kepada apa yang dia berhijrah kerananya"*

(Muhammad bin Ismail Abu Abdullah al-Bukhari al-Ja'fari (2003), Kitab al-Aiman Wa al-Nazar, no. hadis 6689).

Hadis tersebut menghuraikan dua maksud, iaitu adalah niat menjadi asas untuk menilai sama ada baik atau buruk perkara yang hendak dilakukan itu. Kedua, niat merupakan asas untuk diiktiraf atau diperakukan dan diambil kira terhadap apa yang dilakukan itu (Seman, 2013; Mustafa, 1996). Mohd Zakir (2008) menyatakan bahawa hadis ini merupakan peringatan tentang kewajipan mengikhhlaskan niat kerana Allah SWT dalam setiap amalan yang dikerjakan. Berdasarkan kepentingan niat dalam hadis tersebut menunjukkan niat adalah faktor pengantara menzahirkan gelagat seseorang.

### 3.2 Konsep Niat dalam Islam

Niat menurut bahasa ialah *qasad* (tujuan hati) dan *iradah* (kehendak hati). Menurut istilah syarak, niat ialah gerak hati ke arah suatu perbuatan untuk mencari keredaan Allah SWT (Seman, 2013; Mustafa, 1996) dan menyatakan perasaan tunduk dan patuh kepada perintah-Nya (Mustafa, 1996). Sementara itu, Ghazali (2008) menghuraikan bahawa niat ialah sifat hati yang mengaitkan antara ilmu dan amal. Asyqar (2002) menjelaskan bahawa niat sebagai kehendak dan keazaman di mana niat hadir melalui lintasan hati yang mengisyaratkan bahawa segala ibadat yang dilakukan adalah kerana Allah SWT. Inilah yang dikatakan ikhlas atau kejujuran dalam melaksanakan sesuatu perbuatan. Keikhlasan merupakan sesuatu yang signifikan dengan niat. Niat dapat menjadikan seseorang melakukan sesuatu amalan semata-mata mencari keredaan Allah SWT (Aminudin & Jamsari, 2012; Misri, 2014). Niat perlu disertakan dengan niat yang ikhlas agar segala yang diniatkan menjadi ibadah. Bersesuaian dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ ٥

*“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhhlaskan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat dan yang demikian itulah agama yang benar”*

(Surah al-Bayyinah, 98: 5)

Maka dengan tujuan hati dan kehendaknya sendiri, terjadilah sesuatu gelagat. Niat juga merupakan sebagai asas ke atas setiap gelagat agar setiap amalan menjadi baik. Jika baik niat itu, maka baiklah amalannya dan sebaliknya jika buruk niat itu, maka buruk dan rosaklah amalannya (Seman, 2013). Setiap perbuatan perlu diiringi dengan niat dan tidak boleh mendahuluinya (Asyqar, 2002). Oleh itu, dalam konteks gelagat pengguna Islam menunjukkan bahawa semakin kuat niat gelagat pengguna, semakin tinggi gelagat pengguna itu sendiri dan sebaliknya. Justeru, hipotesis diuji seperti berikut:

*H1: Niat gelagat mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan gelagat pengguna Islam.*

### **3.3 Faktor-Faktor Penentu Niat Gelagat Islam**

Niat adalah penentu utama terhadap gelagat manusia dalam Islam. Niat yang ikhlas akan menjadi ibadat di sisi Allah SWT. Terdapat beberapa faktor yang boleh mempengaruhi niat. Hanno dan Viollete (1996) melihat hubungan niat dengan gelagat dalam sesuatu penyelidikan adalah tidak lengkap. Hubungan antara niat dengan gelagat semata-mata tidak mampu memberi penjelasan yang kukuh mengenai sesuatu gelagat itu terjadi. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan merungkai faktor keagamaan adalah penentu bagi menerangkan pengaruh kepada niat gelagat pengguna Islam. Faktor keagamaan adalah penentu utama dalam mempengaruhi gelagat manusia (Syed Shah *et al.*, 2012; Syed Shah *et al.*, 2011).

Nilai agama Islam dapat dilihat dari sumber utamanya, iaitu al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Isi al-Quran merangkumi keseluruhan aspek kehidupan manusia, iaitu akidah, ibadah, akhlak dan syariah. Konsep penghayatan agama yang mencakupi keempat-empat dimensi ini mempunyai kaitan yang rapat dan kesan dengan aspek kerohanian seseorang. Berdasarkan pandangan ini, aspek kerohanian merupakan sebahagian dari nilai agama (Zulkiple & Nor Salimah, 2006). Sehubungan dengan itu, untuk memahami dan mengamalkan ajaran Islam secara mendasar, maka setiap Muslim harus memahami dan mengamalkan dasar-dasar Islam yang terkandung dalam sumber utamanya, al-Quran dan diperjelas oleh hadis Rasulullah SAW (Marzuki, 2012).

Faktor keagamaan juga merupakan penentu utama dalam mempengaruhi gelagat seseorang (Syed Shah *et al.*, 2012; Syed Shah *et al.*, 2011). Secara khususnya, individu yang mempunyai agama akan memegang nilai-nilai keagamaan dalam mempengaruhi setiap tindakan dan keputusan yang dilakukan (Syed Shah *et al.*, 2011). Nilai-nilai keagamaan tersebut membezakan antara individu yang lain, maka semakin tinggi agama dalam diri seseorang, maka individu lebih cenderung dalam melakukan segala yang dituntut dalam agama itu sendiri (Syed Shah *et al.*, 2012). Seseorang individu yang berpegang kuat terhadap ajaran agama dilihat sentiasa menjalankan tanggungjawab agama dengan baik, melakukan gelagat berlandaskan tuntutan agama serta akan mendahulukan suruhan agama dalam segala hal yang dilakukan (Khadijah, Fauziah, Mohd Suhaimi, Wan Shahrzad, Salina, & Norulhuda, 2013). Berdasarkan kepentingan keagamaan dalam mempengaruhi gelagat manusia, maka kajian ini menumpukan aspek keagamaan dalam memahami niat gelagat pengguna.

#### **3.3.1 Konsep Akidah dalam Niat Gelagat Pengguna Islam**

Akidah merupakan keyakinan mantap dan teguh di dalam hati dari sebarang syak dan ragu (Ramli, 2013; Sabiruddin, 2012; Kasim & Tamuri, 2010). Akidah juga merujuk kepada

keputusan yang keluar dari hati tanpa ragu (Mohammad Jodi, 2014). Akidah berasal daripada perkataan *'aqada* dalam bahasa Arab, bermaksud ikatan yang kuat disertai dengan kepercayaan yang kukuh (Mohd Aderi & Ahmad Yunus, 2012). Akidah dalam erti kata lain adalah suatu cabang Islam mengenai kepercayaan yang berkaitan dengan keimanan.

Dari segi makna, akidah melambangkan keimanan yang kuat dalam jiwa (Ahmad Munawar *et al.*, 2011), manakala dalam konteks sosial, akidah berperanan melahirkan individu yang mempunyai keyakinan yang tinggi kepada Allah SWT dan seterusnya mampu membentuk jiwa yang tenang dan rohani yang seimbang dengan setiap gelagatnya (Norsaleha, Ab. Halim & Salleh, 2013). Kesempurnaan iman seseorang individu tidak lengkap tanpa keseimbangan kerohanian (Sabiruddin, 2012). Hal ini dapat dirumuskan bahawa keimanan dan kerohanian adalah unsur-unsur yang terkandung dalam akidah.

Akidah merupakan asas dalam bergelagat (Kasim & Tamuri, 2010; Mohammad Jodi, 2014; Marzuki, 2012; Ahmad Munawar *et al.*, 2011). Asas akidah bersandarkan pada Rukun Iman yang enam. Rukun Iman yang meliputi beriman kepada Allah SWT, malaikat, rasul, kitab, qada dan qadar dan hari kiamat akan mempengaruhi seseorang untuk bertingkah laku yang baik sehingga terbentuknya akhlak yang baik (Marzuki, 2012). Sehubungan dengan itu, seorang Muslim yang memiliki akidah yang kuat kepada Allah SWT, ia akan selalu mentaati segala perintah Allah SWT dan menjauhi segala larangan-Nya. Proses pembentukan gelagat dalam Islam bergantung kepada proses pembangunan akidah yang benar mantap dalam diri. Sekiranya individu itu menghayati dan memahami konsep akidah, pastinya mereka akan resah apabila melakukan perkara yang dilarang (Mohammad Jodi, 2014). Bertepatan dengan Firman Allah SWT:

﴿مَنْ عَمِلْ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أَنْتَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ٩٧﴾

*"Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan".*

(Surah al-Nahl, 16: 97)

Oleh yang demikian, kajian ini menjangkakan bahawa akidah memainkan peranan yang penting dalam merangsang niat gelagat pengguna Islam. Hal ini menunjukkan bahawa semakin tinggi nilai akidah gelagat pengguna Islam, semakin kuatlah pengaruhnya terhadap niat gelagat tersebut atau sebaliknya. Maka, hipotesis di bawah diuji:

*H2: Akidah mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan niat gelagat pengguna Islam*

### **3.3.2 Konsep Ibadah dalam Niat Gelagat Pengguna Islam**

Matlamat utama manusia dijadikan di muka bumi ini adalah menyembah dan mengabdikan diri kepada Allah SWT. Sebagai makhluk dan hamba Allah SWT, manusia perlu patuh serta taat kepada segala yang diperintahkan Allah SWT. Menurut Qaradawi (2006), ibadah dari segi bahasa adalah *al-'Ubudiyah* berasal dari *al-Khudu'* (tunduk atau rendah diri) serta *al-Dhil* (memperhinkan diri). Kemudian *al-Ta'bid* (penyembahan) adalah bermakna *al-Tadhilil* (perendahan diri atau penghinaan diri). Ibadah sama ertinya dengan taat atau patuh dan *Taabud* (penghambaan) mempunyai persamaan erti dengan *al-Tanasuk* (pengabdian). Perkataan *al-ibadah*, *al-Khudu* dan *al-Tadhilil* semuanya mempunyai maksud yang sama, iaitu merendahkan diri (Qaradawi, 2006), manakala dari segi syarak, ibadah bererti taat dan patuh (Qaradawi, 2006). Dengan erti yang lain, ibadah adalah melaksanakan semua perkataan dan perbuatan yang dikehendaki Allah SWT di mana manusia menunjukkan ketaatan dan rendah hati terhadap Allah SWT. Ibadah juga bermaksud ketaatan yang mutlak, penyerahan muktamad



dan rendah diri yang mutlak kepada Allah SWT dan bersama-sama dengan kasih sayang yang mutlak kepada-Nya (Ahmad Azrin, 2011). Menurut Atikullah (2013), setiap ketaatan kepada Allah SWT yang dilakukan dengan penuh kepatuhan, ketundukan dan penghinaan diri, maka ia dianggap sebagai ibadah.

Ibadah ialah perintah yang wajib dilakukan sebagaimana yang terkandung di dalam Rukun Islam seperti solat, zakat, haji dan beberapa amalan khusus yang lain seperti berzikir, membaca al-Quran, solat sunat dan sebagainya. Skop ibadah bukan terikat kepada amalan ritual yang tergolong dalam kategori solat, puasa, zakat dan haji sahaja, malah ia mencakupi pelbagai aspek serta meliputi makna kepatuhan kepada segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya (Salasiah Hanin *et al.*, 2012). Hal ini juga dinyatakan oleh Bahtiar, Hassan dan Mohamad Khadafi (2004) bahawa ibadah merangkumi perkara-perkara yang menjuruskan kepada kepatuhan kepada Allah SWT umpamanya sembahyang, puasa, zakat, haji, perniagaan, muamalah dan sebagainya.

Ibadah mampu melahirkan sifat takwa (Shohana, 2010) dan membentuk gelagat yang mulia (Qaradawi, 2006; Marzuki, 2012; Shohana, 2010). Konsep ibadah dapat menghalang seseorang dari melakukan perkara-perkara yang keji (Shohana, 2010). Menurut Faridah & Tengku Sarina Aini (2006) menyatakan bahawa ibadat sembahyang dapat mengelakkan daripada melakukan keburukan, mengajak kepada kebaikan dan berdisiplin dalam kehidupan. Puasa pula dapat mengelakkan daripada sifat tamak, keras hati, penyakit dan akhlak yang keji, manakala zakat dapat membersihkan hati dari sifat tamak serta haji dapat menyucikan hati, mengeratkan hubungan persaudaraan dan sebagainya. Nilai-nilai yang terkandung dalam ibadah akan melahirkan manusia yang adil, jujur dan suka membantu (Ali, 2006). Oleh yang demikian, adalah wajar bahawa ibadah dapat memberi kesan terhadap niat gelagat pengguna Islam. Jika ibadah seseorang pengguna adalah tinggi, maka niat mereka adalah kuat. Sebaliknya, jika ibadah mereka kurang memuaskan, maka ia mengurangkan niat gelagat mereka. Justeru, hipotesis penyelidikan dirumuskan seperti di bawah:

*H3: Ibadah mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan niat gelagat pengguna Islam*

### **3.3.3 Konsep Akhlak dalam Niat Gelagat Pengguna Islam**

Akhlak berasal daripada perkataan *khulqun* yang bermaksud tabiat, tingkah laku dan budi pekerti (Mohd Ayop, 2013; Misri, 2014; Rosniati, 2013). Rosniati (2013) menjelaskan bahawa akhlak diibaratkan sebagai *hai'ah* (sifat) yang melekat pada jiwa yang darinya timbul *af'al* (perilaku) dengan mudah tanpa hajat kepada pemikiran dalam melakukannya, dalam erti kata lain ia adalah kebiasaan seseorang. Akhlak juga bermaksud sebagai sifat yang tertanam dalam jiwa, maka lahirlah pelbagai gelagat sama ada baik atau buruk tanpa perlu pertimbangan (Faridah & Tengku Sarina Aini, 2006). Berdasarkan Shukri dan Musa (2012), akhlak boleh ditakrifkan sebagai suatu set nilai atau sistem kepercayaan yang berasal dari al-Quran dan Sunnah. Kebanyakan penyelidik terdahulu menyatakan bahawa akhlak sebagai etika dalam Islam (Muhammad Mustakim, Siti Arni, & Wan Norhasniah, 2014; Muhammad Yousuf, Arshad, Hafiz, & Muhammad, 2012; Shukri & Musa, 2012). Tujuan utama Nabi Muhammad SAW diutuskan kepada umat manusia adalah untuk memperlihatkan kepentingan nilai akhlak dalam Islam, sebagaimana sabda baginda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*"Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia"*

(Abi Bakr Ahmad bin al-Hussain bin Ali al-Baihaqi (2003), Jama' Abwabu Man Tajuzu Syahadatuhu Wa Man La Tujuz, no.hadis 20782).


Oleh yang demikian, adalah munasabah bahawa akhlak dijangka dapat memberi kesan terhadap niat gelagat pengguna Islam. Jika akhlak pengguna Islam adalah positif, maka niat mereka

adalah kuat. Sebaliknya, jika akhlak pengguna Islam adalah negatif, maka ia mengurangkan niat mereka. Hipotesis dalam penyelidikan ini dibentuk seperti berikut:

*H4: Akhlak mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan niat gelagat pengguna Islam*

#### 4. MODEL GELAGAT PENGGUNA ISLAM

Model kerangka konseptual penyelidikan telah dirangka dalam Rajah 1. Model gelagat pengguna Islam ini memperjelaskan hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar.



**Rajah 1.** Model gelagat pengguna Islam.

#### 5. KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, adalah wajar bahawa model gelagat pengguna Islam harus diperkenalkan dan diperluaskan aplikasikan terhadap kajian-kajian dari perspektif Islam. Gelagat pengguna Islam mempunyai penjelasan yang konsisten dan menyeluruh yang merangkumi aspek kerohanian dan material. Hal ini sangat berbeza dengan gelagat pengguna konvensional yang mana matlamatnya adalah untuk memaksimumkan kepuasan, tetapi mengetepikan konsep tujuan sebenar penciptaan manusia terhadap pencipta-Nya. Bagi kajian ini, faktor agama, iaitu akidah, ibadah dan akhlak diterapkan sebagai faktor utama dalam mengukur gelagat pengguna Islam. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai faktor-faktor yang lain yang boleh diterokai dalam kajian-kajian yang akan datang. Faktor-faktor ini boleh diterokai melalui pelbagai sumber-sumber Islam antaranya al-Quran, hadis, ijmak, qiyas, usul fiqh dan sebagainya.

#### RUJUKAN

- Ahmad Munawar, I., Mohd Yusof, O., & Jawiah, D. (2011). The development of human behaviour: Islamic approach. *Jurnal Hadhari*, 3(2), 103 – 116.
- Ahmad Azrin, A. (2011). Islamic Consumer Behavior (ICB): Its why and what. *International Journal of Business and Social Science*, 2(21), 157-165.
- Ahmad Azrin, A. (2012). Analisis hubungan antara penentu pemilihan bank menurut Muslim ideal dengan gelagat pemilihan bank Islamik dalam kalangan Muslim di Terengganu. *Jurnal Kemanusiaan*, 20, 97-114.
- Ahmad Azrin, A., Basri, A. G., Sakinah, M. Z. & Izzuddin, A. A. (2017). The Disciplinary Status of Islamic Consumer Behavior. *International Journal of Asian Social Science*, 7(12), 949-962.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50, 179-211.

- Ali, M. (2006). Penanaman nilai-nilai agama Islam dalam pembentukan sikap dan perilaku siswa sekolah dasar Islam terpadu Luqman al-Hakim Yogyakarta. *Jurnal Penelitian dan Evaluasi Pendidikan*, 8(1), 1-15.
- Al-Qaradawi, Y., (1995). *Fi Fiqh al-Awlawiyat: Dirasat Jadidah fi Daw' al-Qur'dn wa al-Sunnah*. Cairo: Maktabah Wahbah. 227-228.
- Al-Qardhawi, Y. (2002). *al-Halal wa al-Haram fi Islam*. Maktabah Wahbah, Kaherah.
- Al-Quran. (1993). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran 30 Juzuk*. Pusat Islam Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri.
- Aminudin, B. A., & Jamsari, A. (2012). Etika keserjanaan Muslim menurut akhlak Islam. *Jurnal Hadhari*, 4(2), 45 – 64.
- Asyqar, U. S. (2002). *Rahsia Niat dalam Ibadat* (Zayuki, M. Terj.). Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Atikullah, A. (2007). *Panduan pemakaian sumber-sumber asas kajian: al-Quran, al-Hadith, ijma' dan qiyas*. Siri Kertas ISDEV, Centre for Islamic Development Management Studies, Universiti Sains Malaysia, 5
- Atikullah, A. (2013). Konsep kerja sebagai ibadat menurut perspektif Islam asas fahaman dualisme dalam kehidupan. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 6, 37–48.
- Bahtiar, M., Hassan, A. B., & Mohamad Khadafi, R. (2004) Imej Islam di media cetak: Analisis kandungan akhbar mingguan di Malaysia. *The Malaysian Journal of Language and Communication*, 1(1), 79-98.
- Che Haslina, A. (2013). Pembinaan tamadun Islam seimbang melalui psikologi Islam. *Jurnal Hadhari*, 5(1), 199 - 213
- Faridah, C. H., & Tengku Sarina Aini, T. K. (2006). Pendekatan psikologi dalam pendidikan akhlak Muslim sebagai pemangkin pembangunan insan dan tamadun. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 290-306.
- Ghazali. (2008). *Ringkasan Ihya Ulumuddin* (Abdul Rosyad, S. Terj.). Jakarta Timur: Akbar Media Eka Sarana.
- Hagger, M. S., & Chatzisarantis, N. L. D. (2006). Self-identity and the theory of planned behaviour: Between- and within-participants analyses. *British Journal of Social Psychology*, 45(4), 731–757.
- Hamza, K. (2010). Measuring religiosity in consumer research from Islamic perspective. *International Journal of Marketing Studies*, 2(2), 166-179.
- Hanno, D. M. & Violette, G. R. (1996). An analysis of moral and social influences on taxpayer behavior. *Behavioral Research in Accounting*, 8, 57-75.
- Kasim, A. Y, & Tamuri, A. H. (2010). Pengetahuan pedagogical kandungan (PPK) pengajaran akidah: Kajian kes guru cemerlang pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(2), 13-30.
- Khadijah, A., Fauziah, I., Mohd Suhaimi, M., Wan Shahrazad, W. S., Salina, N., & Norulhuda. (2013). Tahap pengetahuan agama dalam kalangan banduan parol: Ke arah pembentukan akhlak sejahtera. *Journal of Social science and Humanities*, 8(2), 1-10
- Kontsas, S. & Lazarides, T.G. (2012). Globalization and marketing competition strategy: A conceptual analysis of consumer behaviour. *Social Science Electronic Publishing*.
- Marzuki, M.A. (2012). *Pendidikan al-Quran dan dasar-dasar pendidikan karakter dalam Islam. Seminar Penanaman dan Pengembangan Karakter Mulia pada Anak-anak Melalui Pendidikan Al-Quran*. Dicapai pada November, 14, 2014, daripada <http://staff.uny.ac.id/sites/default/files/pengabdian/dr-marzuki-mag/dr-marzuki-mag-pendidikan-al-quran-dan-dasar-dasar-pendidikan-karakter-dalam-islam.pdf>.
- Mat, H.A.B. (2003). *What is Islamic economy*. Pahang: PTS Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Misri, M. (2014). *Ensilopedia akhlak Muhammad S.A.W.* (Yahya, N., Terj.). Selangor: Al-Hidayah Publication.
- Misri, M. (2014). *Ensilopedia akhlak Muhammad S.A.W.* (Yahya, N., Terj.). Selangor: Al-Hidayah Publication.

- Mohammad Jodi, K. H. (2014). Sejauhmana bahan bacaan mempengaruhi pemahaman akidah remaja: satu kajian di institut pengajian tinggi swasta (IPTS). *Dalam Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization*. (pp. 550-558).
- Mohd Aderi, C. N., & Ahmad Yunus, K. (2012). Teaching of Islamic doctrine and beliefs in school subject content knowledge and pedagogical considerations. *International Journal of Humanities and Social Science*, 2(11), 258-264.
- Mohd Ayop, A. R. (2013). *Akidah, Ibadah & Akhlak dalam Denyut Nadi Kehidupan*. Selangor: Mabar Publication.
- Mohd Nor, M., & Siti Fatahiyah, M. (2012). Islamic philosophy on behaviour-based environmental attitude. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 49, 85-92.
- Mohd Zaid, M., & Joni Tamkin, B. (2013). Muslim consumer behavior: Emphasis on ethics from islamic perspective. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 18 (9), 1301-1307.
- Mohd Zakir, M. (2008). *Mutiara Peringatan 40 Hadith Qudsi Siri 1*. Kedah: Pustaka Taklimah.
- Mohd, S.A. (1999). *Introduction of Islamic law*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Muhammad bin Ismail Abu Abdullah al-Bukhari al-Ja'fari (2003), Sahih al-Bukhari, *Kitab al-Aiman Wa al-Nazar*, no. hadis 6689, j.3, c.1, al-Qaherah: Dar al-Bayan al Hadisah, h. 285.
- Muhammad Mustakim, M. N., Siti Arni, B., & Wan Norhasniah, W. H. (2014). Strategi dan Faktor mempengaruhi pelaksanaan etika kerja Islam (EKI): Kajian Kes di JCorp. *GJAT*, 4(1), 97-11.
- Muhammad Yousuf, K. M., Arshad, M. S., Hafiz, M. F. Z., & Muhammad, I. R. (2012). The impact of Islamic work ethics on job satisfaction and organizational commitment: a study of agriculture sector of Pakistan. *International Journal of Business and Behavioral Sciences*, 2(12), 32-45.
- Muhammad, S.S. (2002). *Development based on Islamic Pillar*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad, S.S. (2011). *Zakat's core transformation*. Dlm Muhammad Syukri Salleh, Mohamad Salleh Abdullah & Zahri Hamat (Eds.), *Transformasi Zakat Daripada Zakat Saradiri Kepada Zakat Produktif (Zakat Transformation from Sustenance Zakat to Productive Zakat)*, Pulau Pinang: Centre of Zakat Management, Pulau Pinang Islamic Religious Council and Centre for Islamic Development Management Studies, Universiti Sains Malaysia
- Muhammad, S.S. (2012). Kecacatan ekonomi Islam arus perdana: Acuan konvensional tidak dirubah (Defective of Contemporary Islamic Economics: Unaltered Conventional Construct). *Milenia Muslim*: 66-67.
- Mustafa, A. R. (1996). *Hadith 40: Terjemahan dan Syarahnya* (3th ed.). Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Norsaleha, M. S., Ab. Halim, T., & Salleh, A. (2013). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen penghayatan akidah. *International Journal of Islamic Thought*, 3, 71-80.
- Nurshuhaida, A. R., & Siti Zaiton, M. D. (2012). Perbezaan analisis kepenggunaan menurut ekonomi konvensional dan ekonomi Islam. *Dalam Prosiding Perkem VII*, 2, (pp. 1461-1470).
- Qaradhawi, Y. (2006). *Ibadah Dalam Islam* (Abu Asma, A., & Nasruddin, A. R. Terj.) (2<sup>nd</sup> ed.). Kuala Lumpur: Puataka Syuhada.
- Ram Al Jaffri, S. (2013). Kaedah metodologi islam: Satu analisa terhadap kajian gelagat kepatuhan zakat di Malaysia. *Dalam The 7th ISDEV International Islamic Development Management Conference*. (pp.2-15).
- Ramli, A. (2013). *Akidah: Penghayatan Tauhid Al-Quran* (2<sup>nd</sup> ed.). Johor: Penerbit UTM Press.
- Rosniati, H. (2013), Studi Islam tentang akhlak konselor. *Jurnal Al-Ta'lim*, 1(4), 299-311.
- Sabiruddin. (2012). Akidah Asas Kesempurnaan Insan. *Jurnal al-Hikmah* 4, 106-110.
- Sabiruddin. (2012). Akidah Asas Kesempurnaan Insan. *Jurnal al-Hikmah* 4, 106-110.
- Salasiah Hanin, H., Zainab, I., & Noor Shakirah, M. A. (2012). Kaedah penerapan ibadah dalam kaunseling salasiah. *Jurnal Teknologi*, 59, 87-92.
- Sarimah, H.A.S. (2005). *Economy from Islamic perspectives*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Seman, J. (2013). *Pengetahuan Wajib Setiap Muslim* (2<sup>nd</sup> ed.). Selangor: Al-Hidayah Publication.
- Shohana, H. (2010) Kesejahteraan dan kedamaian melalui pembangunan modal insan: Kajian teks Hidayah Al-Salikin. *Dalam Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejagat*. (pp. 1-17).
- Shukri, A. & Musa, Y. O. (2012). The concept of Islamic work ethic: An analysis of some salient points in the prophetic tradition. *International Journal of Business and Social Science*, 3(20), 116-123.
- Surtahman, K.H., & Sanep, A. (2005). *Islamic economy: Its fundamental and the implementation (2nd Ed.)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Shah, A., Hawati, J., Zanariah, Che Aniza, C. W., & Mst. Nilufar, A. (2012). Is religiosity an important factor in influencing the intention to undertake Islamic home financing in Klang Valley?. *World Applied Sciences Journal*, 19 (7), 1030-1041.
- Syed Shah, A., Rohani, M., & Badrul, H. (2011). Is religiosity an important determinant on Muslim consumer behaviour in Malaysia?. *Journal of Islamic Marketing*, 2(1), 83-96.
- Wan, M.Y.W.C. (2007). *Consumerism Fiqh: An initial survey*. Kuala Terengganu: Universiti Darul Iman Malaysia
- Zulkiple, A. G., & Nor Salimah, A. M. (2006) Penghayatan agama sebagai asas pembangunan pelajar: Analisis terhadap beberapa pandangan al-Imam al-Ghazali. *Dalam National Student Development Conference (NASDEC) 2006, 8-9 August 2006, Kuala Lumpur, Malaysia*, 1-19.

